



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 38/2024

KBS SEDIA PLATFORM ASAH BAKAT GALAK GOLONGAN BELIA BERINOVASI

1. YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Robotik (*Youth Robot Challenge 2024 - Y-RoboC'24*) & Anugerah Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi (*Innovation Development Through Educational Activities 2024 - iDEA'24*) di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam, hari ini. Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.
2. Program Y-Roboc dan iDEA merupakan platform yang bertujuan memangkin pemikiran kreatif dan inovatif golongan belia melalui penghasilan reka cipta robot dan produk sekali gus mendidik kemahiran menyelesaikan masalah dengan cara yang lebih berkesan. Platform ini juga berperanan mengasah bakat muda dan menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan belia dan seterusnya melahirkan generasi yang berkeyakinan tinggi dan berdaya saing.
3. Pada tahun ini, Program Y-Roboc telah menerima penyertaan berjumlah 183 pasukan robotik melibatkan 743 peserta manakala iDEA menerima 536 projek inovasi, melebihi sasaran awal penyertaan. Platform ini terbuka kepada semua pelajar institusi TVET serta pelajar-pelajar sekolah di seluruh negara.

4. Seiring hasrat Kerajaan menjadikan TVET Pilihan Utama Kerjaya, KBS terus komited menambah baik dan menawarkan platform dan kursus-kursus berkualiti. Hasrat ini seiring perubahan teknologi terkini untuk memastikan golongan belia lebih berdaya saing, relevan dan menepati keperluan industri. Usaha ini sejajar dengan Dasar TVET Negara 2030, Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

7 Julai 2024